

Malaysia mampu biaya projek mega

Bon Islam jana modal laksana projek ETP

SISTEM kewangan Malaysia mampu menjana dana untuk membiayai projek mega di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti projek My Rapid Transit (MRT), yang bernilai berbilion ringgit, kata Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berkata, pembiayaan inovatif seperti bon Islam jangka panjang yang akan diterbitkan kerajaan untuk projek MRT adalah salah satu cara untuk membiayai projek berkenaan.

“Pembiayaan yang besar diperlukan untuk pembinaan MRT, yang akan mengambil masa empat tahun hingga lima tahun. Kami dijemput untuk memberi pandangan bagaimana ia boleh dibiayai.

“Kita boleh membiayainya menerusi pembiayaan inovatif,” katanya ketika ditanya mengenai kemampuan Malaysia membiaya projek mega di bawah ETP ketika sesi soal jawab Siri Majlis Jamuan Tengah Hari Perdana oleh Dewan Perniagaan Malaysia British di Kuala Lumpur, semalam.

Zeti berkata, bon Islam bernilai RM30 bilion itu yang akan diterbitkan kerajaan untuk membiayai projek MRT mempunyai tempoh matang jangka panjang dan pasaran boleh menyerap terbitan itu.

Mengikut laporan, terbitan bon berkenaan yang akan mempunyai tempoh matang sehingga 65 tahun, akan dimuktamadkan dalam tempoh beberapa bulan ini.

“Bagaimanapun, semua projek

itu mesti dilaksanakan secara berperingkat dan tidak dibuat serentak. MRT memerlukan empat tahun hingga lima tahun. Projek berkenaan perlu diurus dengan baik supaya tidak menjejaskan ekonomi.

“Dari segi bekalan bakat, sumber dan mudah tunai, jika diurus dengan baik, kita mempunyai kecairan yang mencukupi untuk membiayai projek berkenaan,” katanya.

Bagaimanapun, Zeti berkata, projek berkenaan perlu dinilai dengan teliti dan terus dipantau Majlis Ekonomi bagi mengelak kos berlebihan.

“Kita perlu mengelakkan ketirisan dan kos yang berlebihan. Jika projek berkenaan diuruskan dengan teliti, wujud potensi besar yang boleh direalisasikan,” katanya. – BERNAMA



Pembiayaan yang besar diperlukan untuk pembinaan MRT yang akan mengambil masa empat tahun hingga lima tahun. Kami dijemput untuk memberi pandangan bagaimana ia boleh dibiayai



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara